

# AS\$670j masuk akaun Najib

BH- 17/6/2022 m/s: 19

Terdapat lima transaksi daripada 2011 sehingga 2013 melalui pindahan wang luar negara

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerima wang berjumlah AS\$670 juta yang dipindah masuk ke dalam akaun peribadi Ambank miliknya, melalui pindahan wang luar negara daripada individu dan beberapa syarikat.

Pengurus Bahagian Unit SWIFT Ambank (M) Berhad, Wedani Senen, berkata dana itu dipindahkan ke akaun AmIslamic Bank milik Najib dengan nombor akaun 2112022009694 menggunakan nama AmPrivate Banking - MR.

Saksi ke-29 pendakwaan itu berkata, terdapat lima transaksi kemasukan wang dalam akaun

AmIslamic Bank itu daripada tahun 2011 sehingga 2013 melalui pindahan daripada luar negara.

Saksi itu ketika membacakan pernyataan saksinya, berkata terdapat pemindahan wang berjumlah AS\$20 juta daripada Prince Faisal bin Turkey bin Bandar Al Saud ke dalam akaun Najib pada 24 Februari dan 14 Jun 2011.

Beliau berkata, akaun peribadi Najib juga menerima pindahan wang AS\$30 juta daripada syarikat Blackstone Asia Real Estate Partners pada 30 Oktober 2012 dan pada 19 November 2011.

Blackstone Asia Real Estate Partners ialah syarikat milik sekutu ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low iaitu Eric Tan.

Menurut Wedani, akaun bekas perdana menteri juga menerima kemasukan wang daripada Tanore Finance Corp berjumlah AS\$620 juta pada 22 Mac 2013.

Sementara itu, mahkamah diberitahu Good Star Limited dan PetroSaudi International Limited (PSI) yang menerima dana sebanyak AS\$1.83 bilion daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di antara 2009 dan 2011, masing-masing dibubarkan pada



Najib hadir ke mahkamah bagi perbicaraan kes 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

tahun 2014 dan 2015.

Keterangan itu diberikan Pakar Undang-Undang bagi Polisi Perniagaan di Unit Polisi Perniagaan Labuan Financial Services Authority (LFSA), Mohamed Fairudz Mohd Hanif.

Menurut saksi itu, Good Star Limited iaitu syarikat yang dikatakan dimiliki Jho Low dibubarkan pada 2 Mei 2014, manakala PSI yang dimiliki warga Arab, Tarek Obaid dibubarkan pada 8 April 2015.

Saksi ke-28 pendakwaan itu berkata, pihaknya menerima maklumat berkenaan daripada Seychelles Financial Services Authority (Seychelles FSA), selepas LFSA menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mendapatkan maklumat daripada empat negara pesisir bagi siasatan kes 1MDB.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin depan.